

10/12/1998

Kelab Umno UK, Eire adakan sidang tahunan

Azizi Othman in London

LONDON, Rabu - Kelab Umno United Kingdom dan Eire akan mengadakan Perhimpunan Agung Tahunan kali ke-26 di Portland Building, University of Nottingham, Nottingham pada 19 Disember ini.

Setiausahanya, Kamarul Rashdan Salleh, berkata perhimpunan itu akan dirasmikan oleh Setiausaha Agung Umno, Datuk Seri Sabbaruddin Chik yang juga Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan.

"Kira-kira 250 pelajar daripada sembilan cawangan kelab dijangka hadir dalam perhimpunan kali ini sebagai perwakilan dan pemerhati," katanya dalam kenyataan yang dikeluarkan di sini hari ini.

Cawangan berkenaan ialah Cardiff/Pontypridd, Coventry/Warwick, Derby/Nottingham, Lancaster/Morecambe, Salford/Manchester, Glasgow, Leicester, London dan Loughborough.

Dijangka hadir pada majlis itu ialah wakil Bendahari Pemuda Umno; Mokhzani Mahathir, Pengerusi Majlis Antarabangsa, Abdul Azim Zabidi dan Setiausaha Eksekutif Badan Perhubungan Umno Johor, Fuad Zarkashi.

Kamarul Rashdan berkata, sehingga ini kelab terpaksa membubarkan empat cawangannya iaitu Hull, Newcastle-Upon-Tyne, Stoke-On-Trent, dan Sheffield kerana kekurangan ahli dan tidak memenuhi kehendak perlembagaan.

Menurut beliau, turut dibubarkan sebelum ini ialah cawangan London yang menghadapi beberapa masalah tetapi baru-baru ini cawangan berkenaan berjaya dihidupkan semula dengan barisan kepimpinan baru.

Kamarul Rashdan berkata, perhimpunan kali ini akan menyaksikan hanya satu pertandingan iaitu bagi kerusi Timbalan Pengerusi Kelab Umno United Kingdom dan Eire di antara beliau sendiri dan Mastina Abdul Hamid.

Semua calon lain memenangi kerusi mereka tanpa bertanding dan nama mereka akan diumumkan ketika perhimpunan itu berlangsung.

Sementara itu, katanya, agenda perhimpunan kali ini akan membabitkan tiga sesi dialog iaitu yang pertama bersama Sabbaruddin; kedua, bersama Mokhzani dan Abdul Azim, manakala ketiga bersama Fuad.

(END)